

10 OCT 1999

Sukan-F1 (Fokus)

MALAYSIA SEKALI LAGI JADI TUMPUAN DUNIA BARAT

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Malaysia akan sekali lagi menjadi tumpuan dunia barat yang mahu melihat sejauh mana kemampuannya menganjurkan perlumbaan berprestij bertaraf dunia -- Grand Prix Formula One Malaysia -- buat pertama kali di Litar F1 Sepang, hujung minggu ini.

Sebagai negara kedua Asia yang diberi penghormatan menganjurkan perlumbaan itu selepas Suzuka di Jepun, Malaysia yang tiada pengalaman menganjur perlumbaan besar bertaraf dunia ini telah bekerja keras dan berjaya membina litar serba moden berharga RM286 juta, yang kini dianggap litar F1 terbaik di dunia.

Perancangan bagi pembinaan litar ini disusun dengan teliti dan kerja-kerja menyiapkan litar sepanjang 5.542km itu berjalan lancar dan tersusun bagi memastikan ia berupaya memberi perkhidmatan, kalau pun tidak lebih baik, ia seimbang dengan penganjur sebelum ini.

Sebagai penganjur perlumbaan ini, ia secara tidak langsung meletakkan Malaysia di peta dunia dan pasti mendapat liputan meluas daripada media global.

Satu lagi penghormatan kepada Malaysia ialah sebagai penganjur terakhir sebelum menutup dekad dua puluh untuk menuju dekad ke-21.

Kira-kira 700 wartawan dan 780 stesen televisyen dijangka membuat liputan selama tiga hari dengan sejumlah 500 juta penonton daripada 260 stesen akan menyaksikannya.

Perlumbaan ini menjadi lebih menarik kerana walaupun ia perlumbaan kedua terakhir musim ini, persaingan masih terbuka di antara Mika Hakkinen dari pasukan McLaren Mercedes dan pemandu Irish Eddie Irvine yang memandu Ferrari. Yang pastinya, Grand Prix Malaysia ini akan mendapat liputan meluas.

Beribu-ribu penonton pastinya akan menyerbu Sepang dalam beberapa hari ini dengan hotel-hotel sekitar litar telah habis ditempah, manakala 30,000 tempat duduk grandstand hampir habis dijual.

Juga hampir separuh daripada 90,000 tiket tempat duduk biasa telah dijual, tetapi SIC yakin angka itu akan meningkat menjelang hari perlumbaan.

Pengumuman oleh Ferrari bahawa bekas juara dunianya, Michael Schumacher, akan menyertai dua perlumbaan terakhir GP, pasti memberi kesan kepada penjualan tiket.

Schumacher, yang retak kakinya semasa Grand Prix British di Silverstone pada 11 Julai lepas, sebelum ini menyatakan tidak akan berlumba sehingga akhir musim.

Semakin hampir hari perlumbaan, berbagai aktiviti mempromosikan Grand Prix ini telah dijalankan sekitar Bandaraya oleh para pemandu, dengan acara penyampaian hadiah, sesi menandatangani autograph, peraduan F1, pameran kereta dan lain-lain lagi.

Dalam masa beberapa hari ini juga kesemua pemandu yang bertanding sudah berada di sini, manakala beratus tan peralatan perlumbaan sudah pun diterbangkan ke sini dengan beberapa kapal terbang jumbo-jets yang disewa khas.

Penaja-penaja dari syarikat-syarikat besar dan ternama juga sibuk mempromosi pemandu masing-masing dan hampir kesemuanya telah menjadualkan sidang media untuk pemandu masing-masing ketika mereka berehat pada 14 Okt.

Turut mengambil kesempatan mempromosikan perlumbaan ini ialah pusat hiburan "Hard Rock Cafe" di Jalan Sultan Ismail di sini dengan memecahkan

tradisi apabila meletakkan kereta Red Bull-Sauber Petronas F1 di atas bumbung pintu masuknya.

Pelawat yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) juga berpeluang melihat kereta F1 dipamerkan di ruang berlepas bagi memberi peluang kepada mereka melihat dan bergambar.

Bagi Sepang International Circuit (SIC), yang menganjurkan perlumbaan ini, cabaran sebenar ialah pada Ahad ini, iaitu hari perlumbaann itu dilangsungkan.

SIC akan memainkan peranan sebagai pembantu utama kepada perlumbaan sebenar yang dikendalikan oleh Persekutuan Sukan Bermotor Antarabangsa (FIA).

Selain perlumbaan itu, SIC juga akan mengadakan kejohanan golf amal yang akan disertai oleh para pelumba, krew dan pegawai daripada FIA di Saujana Golf and Country Club pada 18 Okt, sehari selepas perlumbaan.

Kesemua ini diperkuatkan dengan semangat "Malaysia Boleh", satu konsep yang telah berjaya menaikkan semangat semua lapisan rakyat Malaysia ketika Sukan Komanwel ke-16 di sini, tahun lepas.

Dan yang penting dan tidak seharusnya dilupakan ialah orang di belakang kejayaan Malaysia membawa perlumbaan F1 ini ke sini. Beliau ialah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

BERNAMA

DC zb